

**SOALAN LAZIM (FAQ) JABATAN PERUMAHAN NEGARA (JPN)
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN (KPKT)**

1. Adakah operasi JPN, KPKT berjalan seperti biasa?

- a) Tidak, semua urusan bersemuka (*face to face*) ditangguhkan sehingga 31 Mac 2020.
- b) Semua urusan dalam talian (*online*) berjalan seperti biasa iaitu permohonan Advertising, Permit and Developer License (APDL) baharu, pembaharuan APDL, permohonan pengeluaran wang tambahan (P9 dan P11), pengemaskinian maklumat pemaju melalui e-pemaju, pengemaskinian maklumat 7(f), pendaftaran nama pemohon untuk Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM) dan aduan melalui Sistem Aduan Bersepadu (SAB).

2. Adakah operasi Kaunter Setempat (Bahagian Perlesenan Pemajuan Perumahan) JPN, KPKT di Aras 1, Bangunan KPKT, Putrajaya dibuka?

Tidak, Sebarang urusan boleh dibuat secara dalam talian (*online*). Semua APDL yang telah diluluskan akan dikeluarkan pada 1 April 2020.

3. Adakah permohonan Program/Skim Perumahan di bawah JPN, KPKT seperti Program Perumahan Rakyat (PPR) & Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (MyHome) masih dibuka?

Ya. Sebarang permohonan boleh dibuat secara dalam talian (*online*) di portal <https://teduh.kpkt.gov.my> atau <https://sprn.kpkt.gov.my>.

4. Adakah permohonan Skim Pinjaman Perumahan (SPP), Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama (MyDeposit) dan Rumah Transit masih dibuka?

Tidak.

5. Adakah penyelarasan dan pemantauan semua laporan daripada pemaju di bawah seksyen 7 oleh Bahagian Pemantauan Perumahan Swasta, JPN, KPKT masih diteruskan?

YA. Penghantaran laporan 7(e) dan 7(f) oleh pemaju perumahan yang berlesen masih diteruskan melalui sistem e-pemaju <https://idaman.kpkt.gov.my>

6. Adakah operasi Bahagian Perlesenan Pemajuan Perumahan JPN masih diteruskan?

- a) Tidak, semua urusan bersemuka (*face to face*) ditangguhkan sehingga 31 Mac 2020.

- b) Semua urusan dalam talian (*online*) berjalan seperti biasa iaitu;
1. Permohonan Lesen Pemaju Perumahan & Permit Iklan Dan Jualan Baru;
 2. Permohonan pembaharuan Lesen Pemaju Perumahan & Permit Iklan Dan Jualan;
 3. Permohonan pindaan ke atas Lesen & Permit Iklan Dan Jualan;
 4. Permohonan pindaan harga jualan;
 5. Permohonan pembatalan Lesen Pemaju Perumahan & Permit Iklan Dan Jualan;
 6. Permohonan pindaan perjanjian jual beli;
 7. Permohonan pengecualian Akta 118;
 8. Permohonan pengeluaran wang daripada Akaun Pemajuan Perumahan (P9 dan P11);
 9. Permohonan perlantikan juruaudit; dan
 10. Aduan melalui Sistem Aduan Bersepadu (SAB).

7. Adakah Permohonan Lesen Pemajuan Perumahan dan Permit Iklan & Jualan yang diuruskan di bawah Business Licensing Electronic Support System (BLESS) masih boleh beroperasi?

Ya, ianya beroperasi seperti biasa.

8. Adakah Bahagian Penguatkuasaan JPN, KPKT boleh menerima aduan daripada pembeli berkaitan dengan Akta 118 dan peraturan-peraturannya.

Ya. Aduan daripada pembeli atau mana-mana pihak berkepentingan boleh dikemukakan secara dalam talian (*online*) di <https://aduan.kpkt.gov.my>.

9. Adakan Bahagian Pemulihan Projek Terbengkalai JPN, KPKT masih mengeluarkan surat pengesahan projek perumahan terbengkalai kepada pembeli?

Tidak, Permohonan ini ditangguhkan sehingga 31 Mac 2020

10. Bagaimana saya boleh hubungi JPN, KPKT

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi:

Jabatan Perumahan Negara
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Aras 30-38, No.51, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 Putrajaya
Email: unitkorporatJPN@kpkt.gov.my atau jayaselan@kpkt.gov.my